

21 APR 1996

Mahathir - Balkan

RANTAU BALKAN AKAN JADI PINTU MASUK BARANGAN MALAYSIA KE EROPAH TIMUR

Oleh: Mokhtar Hussain

SKOPJE, 21 April (Bernama) -- Malaysia berhasrat untuk menjadikan negeri-negeri Balkan, khususnya Croatia, Bosnia-Herzegovina dan Macedonia sebagai pusat pengedaran bagi barangannya untuk menembusi pasaran Eropah Timur, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata sungguhpun jumlah dagangan Malaysia dengan Eropah Timur masih kecil, potensi bagi barangan Malaysia untuk dipasarkan di rantau berkenaan adalah besar.

" Pada masa yang sama kita akan mengenalpasti barangan yang boleh diimport dari rantau ini," kata beliau pada persidangan akhbar bersama dengan rakan sejawatannya dari Macedonia Branko Crvenkovski pada penghujung lawatan beliau ke tiga negara Balkan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga akan turut mengenalpasti pelabuhan dan lapangan terbang di ketiga-tiga negara Balkan berkenaan yang boleh digunakan sebagai pintu masuk kepada dagangan Malaysia dengan rantau Eropah Timur.

"Selama ini perdagangan Malaysia banyak tertumpu kepada negara-negara Eropah tertentu dan Jepun tetapi kita kini sedang memperluaskan perdagangan kita dengan Amerika Latin dan Eropah Timur," kata beliau.

Mengenai hubungan perdagangan dengan Macedonia, Perdana Menteri berkata sungguhpun republik bekas Yugoslavia itu adalah sebuah negara kecil, terdapat banyak peluang perniagaan yang boleh diterokai usahawan Malaysia.

Macedonia mengisytiharkan kemerdekaannya dari Yugoslavia pada 8 Sept 1991 dan diterima menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1993. Malaysia negara Asia Pasifik pertama yang mengiktiraf kemerdekaan Macedonia.

Macedonia memiliki penduduk seramai 2.2 juta yang kebanyakannya penganut Kristian Eastern Ortodox dan kira-kira 22 peratus penganut Islam. Keluaran utama negara itu ialah keluli dan simen manakala hasil pertanian utamanya ialah gandum, kapas dan tembakau.

Dr Mahathir juga menarik perhatian bahawa Macedonia memiliki ramai pekerja mahir dan tenaga pekerja yang mencukupi.

Perdana Menteri melahirkan rasa puas hatinya dengan rundingan-rundingan yang diadakan dengan Crvenkovski, dan menambah kata bahawa beberapa bidang kerjasama telah dikenal pasti.

Crvenkovski berkata Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berharap untuk berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan ekonominya.

Beliau berterima kasih kepada Malaysia kerana menjadi antara negara pertama yang mengiktiraf kemerdekaan Macedonia.

Beliau memberi jaminan kepada usahawan Malaysia bahawa pelabur asing yang menjalankan projek-projek di negara berkenaan akan mendapat layanan yang sama seperti usahawan tempatan.

Dr Mahathir kemudian mengadakan perbincangan dengan Presiden Perhimpunan Macedonia Tito Petkovski sebelum diraikan pada satu majlis makan tengah hari oleh Presiden Macedonia Kiro Gligorov.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kemudiannya berlepas ke Malta untuk lawatan bekerja selama dua hari. -- Bernama.

MOK MZ AHH